

## Evolusi Ideologi Radikal dalam Sejarah Kebangkitan Gerakan Islam

Siti Zubaidah Hj Abu Bakar<sup>a</sup>, Kamaruzaman Yusoff<sup>a</sup>, Mohd Mizan Mohammad Aslam<sup>b</sup> & Azura Muhammed Kifli<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Universiti Teknologi Malaysia, Malaysia

<sup>b</sup>Kolej Universiti Islam Perlis, Malaysia

Email of corresponding author: sitizubaidah.ab75@gmail.com

### Abstrak

Pasca serangan 11 September 2001 menggemparkan dunia apabila gerakan-gerakan Islam dikaitkan dengan ideologi radikal yang mengakibatkan keganasan dan kemusnahan. Serangan balas dan pelbagai tekanan dilakukan oleh Barat terhadap dunia Islam kononnya kerana mereka sebagai Polis Dunia perlu mempertahankan keamanan sejagat. Kenyataan bahawa Islam adalah agama radikal jelas bertentangan dengan matlamat ia diturunkan iaitu sebagai *rahmatan lil alamin* selain hakikat sebenar bahawa radikalisme agama turut wujud di dalam agama-agama samawi yang lain. Namun apa yang sememangnya jelas berlaku adalah tindakan ekstrem pejuang Islam yang merosakkan imej agama sekaligus seolah membenarkan tuduhan oleh Barat. Justeru kajian ini disediakan bagi menerangkan evolusi ideologi radikal yang muncul di dalam sejarah kebangkitan gerakan Islam bermula abad ke 18 sehingga kini. Artikel ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif dan sumber dapatan dibuat secara kajian kepustakaan, analisis dokumen dan temubual. Hasil dapatan kajian menjelaskan bahawa terdapat empat fasa meliputi fasa ideologi Wahabi, fasa ideologi Sayyid Qutb, fasa ideologi *Salafi Jihadi* dan fasa ideologi *Salafi Takfiri*. Berdasarkan dapatan, dapat disimpulkan bahawa ideologi radikal mula terbentuk berikutan permasalahan semasa umat Islam pada ketika itu seperti perlakuan bidaah, syirik dan ancaman pemikiran dari tamadun Rom dan Parsi, namun berkembang menjadi lebih serius apabila wujudnya penindasan dan kezaliman berterusan oleh Barat sehingga ideologi radikal ini diterjemahkan dengan tindakan ekstrem di akhir fasa gerakan kebangkitan Islam. Ternyata evolusi radikal Islam melalui tempoh yang panjang dengan desakan permasalahan umat semasa dan menjadi lebih signifikan kerana situasi global hari ini yang kompleks.

Katakunci : Ideologi; Radikal; Gerakan Islam; Ekstrem

### 1. Pengenalan

Kemunduran umat Islam berlaku di seluruh dunia sejak kejatuhan Kerajaan Khalifah Uthmaniyah (1299 – 1924) dan situasi menjadi lebih kritikal berikutan penindasan dan serangan sekularisme yang hebat khususnya di wilayah yang direbut oleh negara Eropah seperti Turki, Mesir dan India pada ketika itu. Dengan kepincangan ilmu, kejahilan dan perpecahan yang sedang melanda, umat Islam dibelenggu pelbagai salah faham agama seperti perkara khurafat dan bidaah. Namun, tekanan dan kegelapan dunia Islam ini jugalah yang telah membawa kepada kelahiran beberapa gerakan Islam yang bangkit memperjuangkan *islah* dan *tajdid*.

### 2. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan corak penghuraian menggunakan kaedah sosiologi sejarah (*historical sosiologi*). Kaedah ini menggabungkan pendekatan sosiologi dengan metod sejarah bagi menjelaskan fenomena umat Islam yang lebih global (Kuntowijoyo, 1993). Dapatan kajian dikupas menggunakan kaedah analisis dokumen dan temubual dan kajian kepustakaan.

### 3. Dapatan Kajian: Evolusi Ideologi Radikal (Abad 18 hingga 21 Masihi)

Bermula pada abad ke 18 masihi, muncul beberapa gerakan Islam yang mewarnai pendekatan-pendekatan keras di dalam menyampaikan dakwah Islam. Beberapa fasa perkembangan ideologi radikal yang dibawa oleh gerakan Islam ini mula dikenalpasti iaitu ideologi Wahabi di Semenanjung Tanah Arab yang dibawa oleh Muhammad Bin Abdul Wahab (1703 – 1792), ideologi Sayyid Qutb (1906-1966) ketika bersama-sama gerakan Ikhwanul Muslimin (IM) pada tahun 1950an dan ideologi radikal global yang bermatlamatkan penubuhan *Khilafah Islamiyah* bagi mengembalikan kekuatan kerajaan Islam selepas kejatuhan Kerajaan Khalifah Uthmaniyah (Fadhullah, 2007). Ideologi radikal global ini muncul seiring zaman globalisasi dan merujuk kepada dua kelompok besar iaitu *Salafi Jihadi* dan *Salafi Takfiri*.

#### 3.1 Fasa Pertama: Ideologi Wahabi

Ideologi Wahabi diperkenalkan oleh Muhamad Bin Abdul Wahab sekitar kurun ke 18 Masihi ini bukanlah suatu pembaharuan mutlak dalam pemikiran Islam sebaliknya menekankan semula konsep *salafiyah* yang dibawa oleh Ibnu Taimiyah dan Ibnu Qayyim Al Jauziyah bagi tujuan menghidupkan kembali ajaran ahli salaf yang patuh kepada Al Quran dan As Sunnah sepenuhnya (Shaikh Salih Abdul Aziz, 2000). Sememangnya pandangan yang difatwakan di zaman kedua-dua ulama tersebut agak keras berikutan konflik pelbagai aliran yang muncul ketika itu termasuklah *Asy'ariyah*, *Jahmiyah*, *Mu'tazilah*, *Murji'ah*, *Khawarij* dan *Rafidhah* selain ketidakstabilan politik oleh situasi Perang Salib dan serangan pengaruh falsafah Yunani dan Barat yang kuat (Syaikh Ahmad Farid, 2006). Namun, pandangan mereka telah digunakan oleh pengasas ideologi Wahabi ini dan digabungkan dengan pendirian dan pandangan beliau sendiri (Zamihan, 2011) sehingga ia menjadi lebih ekstrem dalam menentang amalan *taqlid*, syirik dan bidaah yang dikatakan berlaku pada zamannya (Al Qarni, 2006).

Ideologi yang dibawa oleh Gerakan Wahabi secara umumnya digambarkan di dalam Rajah 1:

Aqidah	Syariah	Akhlak
<ul style="list-style-type: none"><li>•Tauhid <i>Rububiyah</i></li><li>•Tauhid <i>Uluhiyah</i></li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>•Menentang perbezaan mazhab, menghukum syirik dan bidaah</li><li>•Menggalakkan jihad</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>•Ekstrem</li><li>•<i>Takfiri</i></li></ul>

Rajah 1: Ideologi Wahabi

Berdasarkan kepada Rajah 1 di atas, tiga aspek utama yang diperkenalkan di dalam ideologi Wahabi dan bersifat radikal adalah aspek aqidah, syariah dan akhlak. Di dalam aqidah, Muhammad bin Abdul Wahab telah membahagikan tauhid kepada dua jenis iaitu *Tauhid Rububiyah* sebagai mengakui Allah SWT pencipta keseluruhan makhluk dan *Tauhid Uluhiyah* pula memberi penekanan ke arah penyembahan Allah SWT selaku tuhan yang berhak disembah. Menurut beliau, beriman kepada *Tauhid Rububiyah* adalah tidak memadai kerana ia turut dilakukan oleh orang kafir kerana mereka juga beriman kepada tuhan (Zamihan, 2011; Muhammad Faqih, 2015), justeru, umat Islam yang sebenar perlu menterjemahkan pengakuan mereka juga menerusi beriman kepada *Tauhid Uluhiyah* (Syeikh Ahmad Zaini Dahlan, 2015).


Seterusnya, di dalam membahaskan perkara berkaitan ibadah, walaupun beliau berfahaman Hambali, ideologi Wahabi ini tidak menggalakkan perbezaan mazhab dan menentang perselisihan mengenainya (Azyumardi, 2004) serta sebaliknya menggalakkan pengamalan ijthad di dalam menangani sesuatu isu agama (Shaikh Muhammad Sa'id, 2005) sebagaimana

yang diamalkan oleh Ibnu Taimiyah. Selain itu, ideologi ini turut menentang amalan yang bercanggah dengan amalan di zaman Rasulullah SAW dan ulama salaf, menjatuhkan hukum bidaah dan syirik kepada yang tidak sehaluan dengannya (Zamihan, 2011) dan memerangi golongan ini menerusi jihad (Syeikh Fathi al Mishri, 2011). Mereka juga telah dianggap sebagai kafir (*takfiri*) (Muhammad Idrus, 2016; Muhammad Faqih, 2015) dan situasi ini telah menghalalkan tindakan ekstrem gerakan Wahabi seperti menyerang Kerajaan Uthmaniyah secara tidak langsung, membunuh orang-orang Syiah dan ulama Sunni serta sesiapa sahaja orang awam yang bercanggah fahaman dengan mereka di Tanah Arab (Masudul Hasan, 2000).

### 3.2 Fasa Kedua: Ideologi Sayyid Qutb

Ideologi radikal oleh Sayyid Qutb diperkenalkan ketika beliau berjuang bersama-sama *Ikhwanul Muslimin* (IM) yang terkenal sebagai gerakan pemangkin dan pemberi inspirasi kepada hampir keseluruhan gerakan-gerakan kebangkitan Islam pada abad ke 20 ini (As Suri, 2009; Azoulay, 2015). Beliau menyertai IM pada tahun 1952 ketika kerancangan perjuangan gerakan tersebut yang pada ketika itu telah mempunyai seramai antara 300,000 hingga 600,000 keahlian yang aktif di seluruh Mesir dan cawangan di luar Mesir seperti di Jordan, Syria dan Sudan (Oxford, 2001). Walaupun IM ketika itu lebih terkenal dengan gerakan bersifat dakwah sebagaimana dibawa oleh pengasasnya Hasan Al Banna namun berdasarkan pemerhatian dan pengalaman Sayyid Qutb yang pernah tinggal di Barat dan memerhati sendiri perkembangan di negara Eropah dan sikap penjajah, beliau telah membawa pendekatan yang lebih radikal bagi mempertahankan situasi semasa umat Islam dan campur tangan Barat di Mesir pada ketika itu.

Rajah 2 di bawah menunjukkan Ideologi Sayyid Qutb secara ringkas:



Rajah 2: Ideologi Sayyid Qutb


Berdasarkan kepada Rajah 2 di atas, tiga aspek yang dibincangkan di dalam ideologi Sayyid Qutb adalah aqidah, dakwah dan *siyasah* (politik). Di dalam membicarakan aspek aqidah, Sayyid Qutb adalah antara tokoh utama di zaman moden yang membicarakan *Tauhid Hakimiyah* secara terperinci khususnya di dalam mengaitkan pandangannya dengan hukum *siyasah* (politik) Islam pada ketika itu (Mohamad Kamil *et al.*, 2010). *Tauhid Hakimiyah* ini adalah tauhid yang diperkenalkan oleh Ibnu Taimiyah di dalam kitabnya *At Tauhid* (Esposito dan Voll, 2001) yang bermaksud keyakinan hamba dalam mentaati hukum-hukum syariat yang ditetapkan oleh Allah SWT sebagai pemilik hukuman. Menurut Sayyid Qutb, manusia perlu memberikan hak kekuasaan pemerintahan di dunia ini sepenuhnya kepada Allah SWT yang menggubal undang-undang syariat kerana Allah SWT selaku Tuhan yang wajib disembah dan tiada perhambaan dibenarkan di kalangan sesama manusia (Sayyid Qutb, 1979; 1981).

Di dalam aspek dakwah, Sayyid Qutb mengajak umat Islam menentang fahaman sekularisme dan budaya *jahiliyah* yang membawa kepada keruntuhan moral, kemiskinan dan pengabaian syariat Allah SWT (Sayyid Qutb, 1979; 1981; 2002). Oleh itu seruan ini diterjemahkan di dalam akhlak atau tindakan beliau yang menekankan gerakan *jihad qital* (peperangan) menentang

amalan *jahiliyah* yang lahir kerana kekufuran masyarakat serta pemimpin yang taghut (Meijer, 2009) bagi menghidupkan semula kepimpinan negara *berkhilafah*. Sayyid Qutb berpendapat bahawa pemimpin hanya mempunyai dua pilihan iaitu sama ada ingin membentuk sebuah kerajaan Islam yang benar (*darul Islam*) atau tidak (*darul harb*) yang bakal menjadi sebuah kerajaan yang perlu diperangi (Esposito, 2010: 68).

### 3.3 Fasa Ketiga: Ideologi Salafi Jihadi

Antara tahun 1970an hingga 1990an, gerakan kebangkitan Islam semakin rancak berlaku di seluruh dunia (Dekmejian, 1995) dan ideologi jihad menjadi trend yang sangat digemari oleh gerakan Islam (As Suri, 2009). Ketika inilah lahirnya ideologi *Salafi Jihadi* yang signifikan dengan gerakan Al Qaeda yang diasaskan oleh Osama Ben Laden dan Abdullah Azzam pasca peperangan di Afghanistan pada akhir 1980an. Al Qaeda mengisytiharkan jihad terhadap Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya pada tahun 1996 (Esposito, 2002) dan merekrut umat Islam dari seluruh dunia yang datang ke pusat gerakan mereka di Afghanistan dan Pakistan. Berikut adalah Rajah 3 yang menggambarkan ringkasan Ideologi *Salafi Jihadi*.



Rajah 3: Ideologi *Salafi Jihadi*


Berdasarkan Rajah 3 di atas, istilah *Salafi Jihadi* melambangkan pengaruh ajaran *salafiyah* yang dibawa oleh Ibnu Taimiyah dan gerakan ideologi Wahabi dengan seruan jihad *qital* yang dibawa oleh Sayyid Qutb (Sariburaja, 2013). Kedua-dua konsep ini digabungkan dan diadaptasi mengikut kesesuaian perjuangan gerakan radikal oleh Abdus Salam Faraj (As Suri, 2009). Selain itu, ideologi ini turut memegang konsep *al wala' wal bara'* atas asas kalimah *la ilaha illa Allah* dengan memberi janji setia kepada Allah SWT dan menjauhi sebarang yang berlawanan dengan syariatNya (Al-Qahthani, 2013). Mereka juga percaya bahawa konsep ini membantu mereka mengenalpasti siapakah yang benar-benar memusuhi Islam sama ada umat Islam sendiri atau orang kafir (Azh-Zhawahiri, 2008) serta membolehkan mereka melaksanakan jihad *qital* dan memansuhkan semua ajaran jihad lain di dalam Islam.

Dalam membahaskan jihad *qital* ini, beberapa terminologi jihad diperkenalkan seperti jihad global iaitu jihad menentang musuh yang jauh yakni AS atau juga dikenali sebagai jihad ofensif (Zulkarnain dan Nordin, 2013) yang bermaksud jihad menyerang orang kafir yang memusuhi umat Islam. Jihad ini bersandarkan kepada dalil dari Surah At Taubah, 9 yang mengajak ke arah memerangi orang kafir musyrik. Selain itu terdapat pula jihad defensif iaitu jihad mempertahankan hak dan maruah negara Islam yang disandarkan kepada Surah Al Mumtahanah: 8 yang membenarkan manusia bertindak adil dan baik terhadap orang kafir yang tidak memerangi agama Islam. Kesemua istilah jihad ini dibuat demi memusnahkan golongan taghut dan menegakkan negara atau *Daulah Islamiyah* dan ideologi ini telah meletakkan hukum jihad *qital* ini adalah fardhu ain sebagaimana bersandarkan Surah At Taubah ayat 5 dan 36 yang dikenali sebagai *Ayatus So'if* serta dirujuk bagi menghapuskan lebih 120 ayat jihad yang selain dari jihad peperangan (As Suri, 2009; Solahudin, 2011).

### 3.4 Fasa Keempat: Ideologi Salafi Takfiri

*Salafi Takfiri* adalah suatu kelompok dari pengamal ideologi *Salafi Jihadi* namun menggabungkannya dengan elemen *takfiri* yang diperkenalkan semula oleh Abu Muhammad Al Maqdisi dalam mengkafirkan golongan yang tidak sehaluan dengannya (As Suri, 2009). Ideologi ini dipopularkan oleh gerakan *Islamic State* (Daesh) yang diasaskan oleh Abu Mus'ab Al Zarqawi, sebuah gerakan serpihan dari Al Qaeda di Iraq dan memperjuangkan penubuhan negara Islam berkhilafah di Iraq dan Syria. Daesh banyak merujuk ajaran Sayyid Qutb (Syaiikh Ali Hasan, 2015) dan seperti penganut ideologi *Salafi Jihadi* lain, mereka mempercayai ciri-ciri ideologi *salafiyah*, *tauhid hakimiyah*, pegangan konsep *al wala' wal bara'* (Rumiyah 2, 2016), jihad *qital* dan matlamat akhir perpindahan dari *Darul Harb* ke *Darul Islam* (Ahmad El Muhammady, 2017). Kesemua konsep ini disesuaikan dengan matlamat perjuangan gerakan, situasi semasa dan komplikasi pengikut dan jaringannya hingga menjadikan ia sangat ekstrem dan digeruni oleh masyarakat dunia termasuk Barat dan orang Islam sendiri. Walaubagaimanapun, berikutan semangat juang yang tinggi namun ketiadaan ilmu yang cukup dan benar, desakan dan pengaruh sekeliling mahupun situasi di penjara yang pelbagai, ideologi ini menjadi ancaman paling radikal dewasa ini.

Rajah 4 menunjukkan gambaran konsep *takfiri* yang diadaptasi ke dalam Ideologi *Salafi Jihadi*.



Rajah 4: Ideologi *Salafi Takfiri*

Berdasarkan kepada Rajah 4 di atas, konsep *takfiri* adalah suatu konsep yang menyamai perjuangan oleh *Khawarij*, kelompok pertama yang mengkafirkan golongan yang tidak sehaluan dengannya. Ideologi *Salafi Takfiri* ini memerangi bukan sahaja di kalangan orang kafir malah juga umat Islam yang bersekutu dengan kerajaan kafir justeru mereka dilabel sebagai *Neo Khawarij* atau khawarij baru (Syeikh Ahmad Zaini, 2015; Mohd Hizam dan Zamihan, 2016; Muhammad Idrus, 2016). Ciri-ciri *Khawarij* seperti kepatuhan yang tinggi terhadap agama, keberanian luar biasa, suka mencela dan bersifat tertutup (Kamaruzaman, 2015; Fahmy, 2016) adalah antara yang wujud di dalam amalan ideologi ini walaupun terdapat beberapa pandangan lain yang mengatakan tidak semua gerakan radikal adalah kumpulan *Neo Khawarij* (Badlihisam, 2011; Syaikh Ali Hasan, 2015).

Selain itu, fahaman ini juga memberi hanya dua pilihan kepada dunia, iaitu sama ada bersetuju dengan perjuangan mereka atau dikira sebagai kafir. Konsep dua pilihan dikotomi yang diperkenalkan oleh Sayyid Qutb ini menyebabkan Daesh memberi pilihan kepada pengikutnya sama ada umat Islam berhijrah ke *Darul Islam* di Syria dan Iraq atau kekal bersama *Darul Harb* dan bakal diperangi (Dabiq 1, 2014). Selain itu, keenggaran kerajaan Islam melaksanakan tuntutan Al Quran dan sunnah sebaliknya melakukan pilihanraya serta sistem ideologi buatan manusia seperti demokrasi dan nasionalisme dikira membatalkan aqidah dan pelakunya telah murtad dan perlu diperangi menerusi jihad. Justeru, jihad adalah solusi terbaik dan ia dilaksanakan dalam bentuk serangan pengebom berani mati, persendirian (*lonewolf*), propaganda ataupun *jihad qital* (peperangan) (Mohd Mizan *et al.*, 2016). Namun hakikatnya, serangan terhadap golongan yang dikategorikan 'kafir' ini tidak mengira agama, jantina mahupun

usia. Apa yang penting bagi mereka adalah merealisasikan hasrat penubuhan negara Islam yang mereka perjuangkan.

#### 4. Kesimpulan

Kemunculan ideologi radikal di dalam sejarah gerakan Islam secara umumnya berkesinambungan dari satu fasa ke satu fasa yang lain kerana masalah umat Islam yang semakin kompleks serta tekanan-tekanan luar yang diterima. Perkembangan ini menyebabkan lahirnya gerakan ekstrem yang menyimpang dari apa yang sebenarnya digariskan oleh syariat. Hakikatnya, dalam merealisasikan sebuah kerajaan Islam, gerakan kebangkitan Islam perlulah menghayati syariat sebenar agar ia tidak terpesong dari landasan agama. Kekeliruan terhadap konsep gerakan Islam yang dibiarkan berlarutan boleh mencemarkan imej Islam itu sendiri seolah-olah Islam adalah sebuah agama yang mengancam keamanan walaupun hakikatnya gerakan radikal agama juga muncul dalam agama-agama lain seperti Yahudi dan Kristian.

#### 5. Rujukan

*Al Quran Al Karim*. t.t. Syria: Maktabah Ibnu Khaldun.

Ahmad E. M., 2017. *Ancaman radikal Islam di Malaysia*. Temubual oleh Siti, A.B. Kuala Lumpur. 21.1.2017.

Al-Qahthani, M.S., 2013. *Al Wala' Wal Bara': Loyalitas dan antiloyalistas dalam Islam*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh A.S. Salafuddin. Solo: Pt Era Adicitra Intermedia.

Al Qarni, 'A., 2006. *Cahaya pencerahan: petunjuk Al Quran dan hadis dalam meraih kesuksesan dunia dan akhirat*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh R.Z.Shoban & Abidun. Jakarta: Qisthi Press.

As Suri, A.M., 2009. *Perjalanan gerakan jihad (1930-2002): Sejarah, eksperimen dan evaluasi*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh S. Agus. Solo: Jazera.

Azh-Zhawahiri, A., 2008. *Dari rahim Ikhwanul Muslimin ke pangkuan Al Qaida*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh U.B. Mush'ab. Indonesia: Kafayah.

Azoulay, R., 2015. The power of ideas, the influence of Hassan Al Banna and Sayyid Qutb on the Muslim Brotherhood Organization. *Przeglad Strategiczny*, (8), p. 171-182.

Azyumardi, A., 2004. *Jaringan ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara abad XVII & XVIII*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.

Dabiq, 1., 2014. *The return of Khalifah*. [online] Muat turun <<https://clarionproject.org/docs/isis-isis-islamic-state-magazine-issue-1-the-return-of-khilafah.pdf>>[diakses pada 15.1.2017].

Dekmejian, R. H., 1995. *Islam in revolution fundamentalism in the Arab World*. (2nd). New York: Syracuse University Press.

Esposito, J.L., 2010. *The future of Islam*. US: Oxford University Press.

Esposito, J.L., 2002. *Unholy war*. US: Oxford University Press.

- Esposito, J.L & Voll, J.O., 2001. *Makers of contemporary Islam*. United State: Oxford University Press.
- Fadhlullah, J., 2007. *Islam di Asia Barat moden: penjajahan dan pergolakan*. Shah Alam: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Fahmy, F.P., 2016. Khawarijisme: pergulatan politik sektarian dalam bingkai wacana agama. *Al-A'raf, Jurnal Pemikiran Islam dan Filsafat*, XIII(2), p.213-232.
- Kamaruzaman, Y., 2015. Pembentangan dalam Intellectual Discourse Series on Islamic Civilization. *Pergolakan negara Islam di Asia Barat: harapan kebangkitan Islam abad ke 21*. Trengganu: Universiti Sultan Zainal Abidin. 26.8.2015.
- Kuntowijoyo. 1993. *Paradigma Islam: interpretasi untuk aksi*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Masudul, H., 2000. *History of Islam*. (Vol. II). Delhi: Adam Publishers and Distributors.
- Meijer, R. 2009. *Towards a political Islam*. The Hague: Netherlands Institute of International Relations 'Clingendael'.
- Mohamad Kamil, A.M., Norafifah, A. dan Norhidayah, M., 2010. *Sayyid Qutb, cetusan idea seorang pejuang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Hizam, H. dan Zamihan, M.Z. 2016. *Bahaya ISIS (Daesh)*. Negeri Sembilan: Al Himna Enterprise.,
- Mohd Mizan, M.A., Iffah, B. O. dan Nur Aqilah, K. R., 2016. De-radicalization programs in South-East Asia: a comparative study of rehabilitation programs in Malaysia, Thailand, Indonesia and Singapore. *Journal of Education and Social Sciences*, (4), p.154-160.
- Muhammad Faqih, A.J.M., 2015. *Menolak Wahabi*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh A.A.Masyuri. Indonesia: Sahifa.
- Muhammad Idrus, R., 2016. *Bekal pembela Aswaja menghadapi radikalisme Wahabi*. Jawa Timur: Bina Aswaja.
- Oxford, 2001. *Encyclopedia of The Modern Islamic World*. (Vol. 3). New York: Oxford University Press.
- Rumiyah, 2., 2016. *Important memorandums*. [online] Muat turun <<http://clarionproject.org/factsheets-files/Rumiyh-ISIS-Magazine-2nd-issue.pdf>>[diakses pada 15.1.2017].
- Sariburaja, K., 2013. *Al Jamaah Al Islamiyah*. Malaysia: Southeast Asia Regional Centre for Counter-Terrorism (SEARCCT).
- Sayyid Qutb., 1979. *Petunjuk sepanjang jalan*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pena.
- Sayyid Qutb., 1981. *Masa depan di tangan Islam*. Terjemahan dari Bahasa Arab. Tanpa Nama. Malaysia: Polygraphic Press Sdn. Bhd.

- Sayyid Qutb., 2002. *In the shade of the Quran (Fi Zilal al Quran)*. (Vol 7). Terjemahan dari Bahasa Arab oleh A. Salehi. United Kingdom: The Islamic Foundation.
- Shaikh Muhammad Sa'id, M. (2005). *Tokoh-tokoh besar Islam sepanjang sejarah*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh A.H. Khairul dan A. Faozan. Jakarta Timur: Pustaka Al Kautsar.
- Shaikh Salih, A.A.S., 2000. *The Life and The Aqeedah of Muhammad Bin Abdul Wahhab* (Ed. 2). Saudi Arabia: Ministry of Religious Affairs, Endowment, Da'wah and Guidance.
- Solahudin., 2011. *NII sampai Ji: Salafy Jihadisme di Indonesia*. Jakarta: Komunitas Bambu.
- Syaikh Ahmad Farid., 2006. *60 biografi ulama Salaf*. Jakarta: Pustaka Al Kautsar.
- Syaikh Ali Hasan, A.H., 2015. *ISIS: Khilafah Islamiyah atau Khawarij*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh U. Mujtahid. Jakarta: Pustaka Imam Asy Syafi'i.
- Syeikh Ahmad Zaini, D., 2015. *Menolak mazhab Wahabi, ulasan kritis kesalahan dan penyelewengan aliran Wahabi*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh A. Khudlori. Jakarta Selatan: Turos Khazanah Pustaka Islam.
- Syeikh Fathi al Mishri, A.A., 2011. *Radikalisme sekte Wahabiyah, mengurai sejarah dan pemikiran Wahabiyah*. Terjemahan dari Bahasa Arab oleh A.Masduqi. Indonesia: Pustaka Asy'ari.
- Zamihan, M. Z., 2011. *Siapa sebenarnya Wahhabiy?* Selangor: Kemah Enterprise.
- Zulkarnain, H. dan Nordin, H., 2013. Islam di Malaysia: penilaian semula fahaman Salafi Jihadi dan interpretasi jihad oleh Al Jama'ah Al Islamiyah. *Geografia Online, Malaysia Journal of Society and Space*, (9), p. 126-127.